



**PEJABAT DAERAH / TANAH KLANG  
KENYATAAN PERMOHONAN PELUPUSAN TANAH KERAJAAN SECARA TENDER**

**TAWARAN PERMOHONAN PELUPUSAN TANAH KERAJAAN SECARA TENDER KE ATAS TANAH SELUAS LEBIH KURANG 905.1115 METER PERSEGI DI PT 14374, PEKAN PANDAMARAN, DAERAH KLANG**

**TANAH UNTUK PEMBERIMILIKAN**

Tawaran ini adalah terbuka kepada Individu dan Syarikat yang boleh dilupuskan tanah seperti yang dijelaskan di bawah Seksyen 43 Kanun Tanah Negara 1965.

Perihal tanah adalah seperti berikut:-

1. Lokasi Tanah : PT 14374, Pekan Pandamaran, Daerah Klang
2. Pelan Tapak : **Seperti di Lampiran**
3. Butiran Tanah :
  - a. Luas : 905.1115 meter persegi
  - b. Kegunaan yang perlu akan dibenarkan : Perindustrian
  - c. Zoning : Industri (Merujuk kepada Rancangan *Tempatan* Majlis Klang (Pengubahan 1) 2020
  - d. Dasar / polisi Kerajaan Negeri perlu dipatuhi bagi cadangan pembangunan.
    - i. Merujuk kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pembangunan Tanah dan Sumber Alam Bil. 4/2015 pada 4 September 2015 permohonan pelupusan tanah ini perlu dibuat secara tender terbuka selaras dengan Pekeliling PTGS Bil. 6/2010 bertarikh 21 April 2010.
    - ii. Perlu menyediakan cadangan jalan keluar masuk ke tapak yang dimaksudkan.
    - iii. Pelan Kebenaran Merancang oleh Pihak Berkuasa Tempatan.

Bagi yang berminat, sila dapatkan borang permohonan **PB01/2010** dengan bayaran **RM5.00** dan **Dokumen Tender** dengan bayaran **RM50.00** daripada **Pejabat Daerah / Tanah Klang**. Sila kemukakan permohonan kepada:-

**PENTADBIR TANAH KLANG**  
**Pejabat Daerah / Tanah Klang**  
**Jalan Kota**  
**41902 KLANG**  
**SELANGOR DARUL EHSAN**

Tarikh Tutup : 8 Februari 2017 - Satu (1) bulan daripada tarikh kenyataan ini disiarkan.

